UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP

# BUKU INFO PERKHIDMATAN KESIHATAN

Oleh;
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
Universiti Malaysia Perlis

SALAM | MESRA | SENYUM
HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI | UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UniMAP

# ALUAN EDITOR




SETINGGI-TINGGI SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZIN-NYA, BUKU INFO PANDUAN PERKHIDMATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI BERJAYA DITERBITKAN.

BUKU INI DITERBITKAN SEBAGAI PANDUAN ATAU RUJUKAN KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI YANG INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI. SELAIN ITU, BUKU INFO INI JUGA BOLEH DIJADIKAN SEBAGAI BAHAN RUJUKAN APABILA SESEORANG PEGAWAI BERTUKAR DAN BERTUGAS DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI. ADALAH DIHARAPKAN DENGAN ADANYA BUKU INFO INI, STAF KLINIKAL AMNYA DAPAT MENJALANKAN KERJA DENGAN LEBIH SISTEMATI K DAN BERKESAN.

PENYEDIAAN BUKU INFO INI ADALAH HASIL DARI USAHA GIGIH DAN KERJASAMA YANG ERAT DARIPADA SEMUA WARGA PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI. USAHA INI AMAT DIHARGAI DAN SAYA INGIN MERAKAMKAN SETI NGGI-TI NGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENGHASILKAN BUKU INFO INI.

SEMOGA BUKU PANDUAN INI DAPAT DIMANFAATKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA OLEH SEMUA WARGA UNIVERSITI.

# ALUAN PENGARAH



SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KERANA DIBERI PELUANG MEMBERI SEPATAH DUA KATA SEMPENA PENERBITAN BUKU INFO PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI.

SYABAS KEPADA SEMUA WARGA PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM PENYEDIAAN BUKU INFO INI.

BUKU INFO INI KHUSUS KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS YANG INGIN MENDAPATKAN PERKHIDMATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI.

SEMOGA BUKU INFO INI DAPAT MENJADI RUJUKAN KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI DALAM MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG BERKUALITI, KOMPREHENSIF DAN BERSEPADU DI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SELAMAT MAJU JAYA

DR. SHAREEZ SANI ABDULLAH SANI

PEMANGKU PENGARAH
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

# PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI



Pusat Kesihatan Universiti (PKU) ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada warga universiti meliputi para pelajar, staf dan tanggungan seperti mana yang tersebut di dalam Garis Panduan Skim Perkhidmatan Perubatan Staf (SIHAT) dan Skim Kesihatan Pelajar.

PKU dahulunya dikenali sebagai Klinik universiti yang beroperasi di Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani, Wang Ulu pada 2006.

Klinik universiti telah dinaiktaraf kepada Pusat Kesihatan Universiti pada tahun 2009 dan kini beroperasi di PKU Kampus Alam Pauh Putra.

VISI PKU adalah menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pergigian peringkat primer kepada warga UniMAP bagi membantu warga universiti supaya dapat memberikan tumpuan dalam aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UniMAP

# CARTA FUNGSI

NAIB CANSELOR
↓
TNC HEPA
↓
PENGARAH PKU
↓
TIMB.PENGARAH PKU
↓
**PENGURUSAN PENTADBIRAN**
↓
KETUA UNIT

### PENTADBIRAN AM

1. Menguruskan hal ehwal pengurusan pejabat termasuk urusan surat-menyurat, dokumen, hebahan dan tempahan.
2. Menguruskan sistem penyampaian perkhidmatan.
3. Pengurusan Fail.
4. Penyelenggaraan, pemeliharaan dan pelupusan rekod awam PKU.
5. Pengurusan Perhubungan Pelanggan.
6. Inventori dan Bekalan Pejabat.
7. Membantu staf klinikal dalam menguruskan aktiviti/program PKU.
8. Menguruskan kenderaan rasmi PKU.
9. Menyediakan laporan tahunan dan yang berkaitan.

### PERKHIDMATAN

1. Menguruskan aspek perkhidmatan staf dalam urusan kehadiran, cuti, pembangunan modal insan, penilaian prestasi, disiplin dan kebajikan.
2. Menguruskan hal ehwal keperibadian dan keterampilan staf.
3. Menguruskan rekod perkhidmatan.

### KEWANGAN

1. Menguruskan Pesanan Kerajaan untuk pembelian bekalan/perkhidmatan.
2. Panjar wang runcit, tuntutan, pembayaran dan belanjawan PKU.
3. Menyedia dan mengemaskinikan belanjawan tahunan.
4. Mengurus dan mengawal peruntukan.
5. Menyelenggara rekod dan menyediakan laporan perbelanjaan.
6. Mengurus, menyelenggara, memantau semua jenis panjar.
7. Mengurus, merekod dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan pendahuluan diri, pendahuluan pelbagai.

### HASIL

1. Menguruskan Tabung Enterprise PKU, Tabung Amanah PKU dan Tabung-tabung yang diluluskan oleh Universiti.
2. Menguruskan kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku resit, sumbangan dan penyediaan laporan tahunan.
3. Menguruskan pembelian/perkhidmatan menggunakan sumber Tabung Enterprise PKU dan Tabung Amanah PKU atau tabung-tabung yang diluluskan Universiti.

### ASET

1. Menguruskan aset inventori PKU mengikut peraturan yang ditetapkan.
2. Menyelaras dan menguruskan penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan aset inventori PKU.
3. Menguruskan tindakan kehilangan dan pelupusan aset inventori.
4. Menguruskan verifikasi stok mengikut jadual.
5. Mengenalpasti masalah berkaitan dengan pengurusan aset inventori PKU.
6. Menjalankan pemeriksaan ke atas aset inventori PKU.
7. Menyediakan laporan dan dokumen yang berkaitan.

# CARTA ORGANISASI



# GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PESAKIT



# GARIS PANDUAN PINJAMAN PERALATAN



# GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN ATAS PANGGILAN



# GARIS PANDUAN UJIAN SARINGAN DADAH DALAM AIR KENCING



# GARIS PANDUAN PASUKAN TUNGGU SEDIA



# GARIS PANDUAN SARINGAN KESIHATAN

TANGGUNGJAWAB | AKTIVITI

Petugas Kaunter

Petugas kaunter/
Petugas Makmal

Petugas Makmal /Jururawat

Petugas Makmal/
Petugas Kaunter

Petugas kaunter/
Pegawai Perubatan

*PKU: mengikut jenis ujian
*makmal luar: 3-7 hari dan
jenis ujian yang diminta




*borang permintaan
atau kad janji temu

*surat rujukan dari
hospital/ klinik luar
perlu verifikasi
Pegawai Perubatan
PKU terlebih dahulu.

# KRITERIA PENYENARAIAN UBAT KE DALAM FORMULARI

- Ubat adalah mengikut kelayakan dan kelulusan Pengamal Perubatan Universiti ( PPU );
- Pengamal Perubatan Universiti yang mempunyai pengalaman dan familiarity terhadap ubat tersebut;
- Ubat serta indikasi adalah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah semasa permohonan penyenaraian;
- Ubat tersenarai dalam Garis Panduan Praktis Klinikal (CPG) atau Garis Panduan Rawatan Standard (STG) yang terkini dan berdasarkan bukti kajian (evidence-based) KKM;
- Ubat diperlukan untuk mencegah atau merawat penyakit yang belum dapat dikawal sepenuhnya dengan ubat sedia dalam Formulari Ubat PKU.
- Prevalen serta beban penyakit yang tinggi dalam kalangan warga universiti yang memerlukan rawatan berkenaan;
- Ubat yang memenuhi ciri-ciri farmakoekonomik dengan mempunyai kelebihan yang terbukti dari segi efikasi, keberkesanan, kualiti, keselamatan dan keberkesanan kos (cost effective);
- Ubat yang memberi kesan optimum kepada pesakit dengan kos yang minimum;
- Ubat yang telah dikenali dan mempunyai kelebihan sifat farmakokinetik;
- Ubat adalah dalam bentuk di mana kualiti serta bioavailabiliti adalah dijamin serta kestabilan ketika penyimpanan dan kegunaan telah ditentukan;
- Ubat yang terdapat di pasaran Malaysia.

# KRITERIA MENOLAK UBAT DARI DISENARAIKAN DI DALAM FORMULARI

- Wujud ubat alternatif lain di dalam formulari ubat PKU;
- Ubat yang dicadangkan akan membawa kepada implikasi kos yang terlalu tinggi;
- Tidak ada kelebihan berbanding ubat yang sedia ada dalam FUPKU;
- Ubat yang boleh menyebabkan bertambahnya masalah penyalahgunaan;
- Ubat untuk rawatan khusus seseorang pesakit di mana respon dan keperluan adalah unik dan spesifik.
- Pengamal perubatan universiti yang tidak mempunyai pengalaman atau familiarity terhadap ubat tersebut.

# KRITERIA MEMANSUHKAN UBAT DARI DISENARAIKAN DALAM FORMULARI

- Ubat tiada lagi di pasaran;
- Ubat yang telah ditarik balik pendaftaran oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) atas alasan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat diragui;
- Terdapat ubat alternatif yang lebih murah atau keberkesanan kos yang lebih baik, berkualiti serta boleh menjimatkan perbelanjaan universiti;
- Ubat yang tidak digunakan lagi (obsolete) dan tiada lagi permintaan untuk penggunaan ubat tersebut dari pihak prescriber;
- Perubahan dalam Garis Panduan Rawatan Standard yang tidak lagi memerlukan ubat tersebut;
- Terdapat bukti yang keberkesanan ubat berkenaan adalah tidak memuaskan.
- Terdapat bukti yang keselamatan atau penyalahgunaan ubat lebih banyak daripada kebaikan ubat.

# WAKTU OPERASI / *OPERATION HOURS*

## PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU)

## UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

| HARI / *DAY* | BUKA / *OPEN* | REHAT / *BREAK* |
|---|---|---|
| **ISNIN - KHAMIS**<br>***MONDAY - THURSDAY*** | **8:00 A.M. - 1:00 P.M**<br>**2.00 P.M. - 5.00 P.M.** | **1:00 P.M. - 2:00 P.M.** |
| **JUMAAT**<br>***FRIDAY*** | **8:00 A.M. - 12:15 P.M.**<br>**2:45 P.M. - 5:00 P.M.** | **12:15 P.M. - 2:45 P.M.** |
| **JUMAAT / *FRIDAY***<br>**(PERTAMA DAN KETIGA SETIAP BULAN)**<br>***(FIRST AND THIRD OF EACH MONTH)*** | **8:00 A.M. - 12:15 P.M.**<br>**2:45 P.M. - 5:00 P.M.**<br>KECEMASAN SAHAJA<br>*EMERGENCY ONLY* | **12:15 P.M. - 2:45 P.M.** |
| **SABTU, AHAD, DAN CUTI UMUM**<br>***SATURDAY, SUNDAY, AND PUBLIC HOLIDAYS*** | **TUTUP / CLOSE** | **TUTUP / CLOSE** |

**CATATAN / *NOTE***

Pendaftaran pesakit ditutup 15 minit sebelum waktu rehat / operasi berakhir, kecuali bagi kes-kes kecemasan

*Patient registration will be closed 15 minutes before break / end of operation hours, except for emergency cases*

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:
*For enquiries, please call:*

**04 - 988 5068**